



---

## **NOTA PERCAKAPAN**

---

**YBHG DATO' NORANI BT HJ. MOHD HASHIM**

---

**KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

---

**PERHIMPUNAN BULANAN 2015  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

---

**DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

---

**9 JANUARI 2015 (KHAMIS)**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam 1Malaysia

## **PENDAHULUAN**

1) Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmatNYA dapat kita berkumpul dalam Perhimpunan Bulanan yang pertama bagi tahun 2015. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada warga JKM. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul yang di

sambut pada 3 Januari 2015 yang lepas. Semoga dengan kehadiran tahun baru akan meningkatkan azam dan kesungguhan kita untuk memartabatkan perkhidmatan awam di negara kita walau dalam apa jua keadaan sekalipun.

2) Terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Kanak-Kanak dan Bahagian Pengurusan Maklumat yang menjadi *hos* sempena perhimpunan pada kali ini.

3) Tidak ketinggalan juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas kerjasama dan semangat kesukarelawan warga JKM yang telah sanggup untuk turun ke negeri-negeri yang dilanda banjir pada bulan Disember yang lepas dan yang masih menghadapi bencana banjir ketika ini. Semoga segala bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir sama ada dalam bentuk tenaga, barangang mahupun wang ringgit akan dapat meringankan bebanan mereka. Marilah kita sama-

sama mendoakan agar pegawai JKM yang bertugas dalam membantu mangsa-mangsa banjir dan semua masyarakat yang terlibat dengan banjir diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi bencana yang luar biasa pada tahun ini.

## **HALA TUJU JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2015**

Tuan/Puan Yang Saya Muliakan,

4) Tahun 2014 telah meninggalkan kita dengan seribu kenangan pahit manisnya. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga kerja JKM yang telah bertungkus lumus menjayakan program yang dirancang bagi tahun 2014.

5) Kini, tahun 2015 menjelang tiba dan disambut dengan penuh kesungguhan serta komitmen yang tinggi untuk merealisasikan semua hasrat Jabatan. Saya pasti semua warga JKM menaruh harapan agar tahun 2015 ini bakal merekodkan sesuatu kejayaan yang menjadi kenangan terindah buat seluruh warga JKM.

6) Jabatan harus sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar seiring

dengan dengan peredaran masa dan kehendak masyarakat.

Jabatan perlu merancang dengan lebih terperinci dan melaksanakan semua program dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada dan menjalinkan hubungan dengan Jabatan-Jabatan melalui perkongsian bijak dan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan juga swasta. Dengan demikian, perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan akan memberi impak dan manfaat yang lebih baik.

Tuan/Puan Yang Saya Muliakan,

7) Untuk makluman, pada 18 - 20 Disember 2014, telah diadakan Bengkel Perancangan Strategik dan Pemurnian Pengstruktur JKM yang melibatkan perancangan SKT 2015. Semua Bahagian telah membentangkan perancangan program masing-masing dan suka saya memaklumkan beberapa program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan :

i. Meningkatkan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak dengan perlaksanaan

***Deinstitutionalisation.*** Dalam mesyuarat Ketua-ketua Bahagian pada 7 Oktober 2014 YBM bil.

7/2014 YBM telah bersetuju agar Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan model

***Deinstitutionalisation*** (DI) tersebut.

***Deinstitutionalisation*** adalah bertujuan untuk mengurangkan penempatan kanak-kanak di institusi

dan menjadikan kemasukan ke institusi adalah pilihan terakhir tetapi bukan satu proses untuk menutup institusi sepenuhnya. Dengan demikian, kanak-kanak akan memperolehi persekitaran perkembangan yang lebih kondusif, mendapat penjagaan dan perlindungan yang lebih baik serta mengalami perubahan yang lebih baik dalam kehidupannya. Perlaksanaan model ini akan dilaksanakan kepada kanak-kanak yang memerlukan

pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, kanak-kanak yang tidak terkawal serta kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan. Projek Rintis Konsep ***Deinstitutionalisation*** akan dilaksanakan di salah sebuah institusi terpilih. Sasaran bagi tahun 2015 adalah seramai 100 orang kanak-kanak telah dapat dilaksanakan DI. Peruntukan DI akan dimasukkan dalam RUU Kanak-kanak.

ii. Persepsi masyarakat yang menganggap JKM sebagai agensi pemberi bantuan kewangan harus diubah. Jabatan perlu meningkatkan usaha untuk membangunkan masyarakat agar dapat menjana pendapatan secara berdikari. Justeru itu, beberapa program telah dilaksanakan untuk mendayaupayakan kumpulan sasar melalui kerja sosial dalam usaha mengurangkan kebergantungan

bantuan kewangan melalui ***2 years exit program*** yang telah dilaksanakan oleh Negeri Perlis dan Negeri Sembilan sebagai Projek Rintis yang melibatkan 500 orang klien. Program ini akan diperluaskan ke seluruh negeri pada tahun ini.

Seterusnya memperkasa kumpulan sasar ke arah peningkatan sosio ekonomi yang telah menjadi salah satu KPI Menteri adalah memperkasa ekonomi

bumiputera yang melibatkan 400 orang memperolehi pendapatan tambahan sebanyak RM300 sebulan. Selain daripada itu mewujudkan 3 buah ***well mart*** sebagai hub pemasaran produk-produk klien Jabatan ke pasaran terbuka. Juga akan mewujudkan ***Productive Welfare Centre*** di PLPP, Bangi sebagai hub pengumpulan, pembungkusan, pengedaran dan pemasaran produk klien Jabatan.

iii. JKM juga berusaha untuk mengintegrasikan OKU ke dalam masyarakat bagi memastikan kesaksamaan hak dan peluang dengan mengadakan Bengkel Pemantapan Program Perkhidmatan Job Coach, Kempen kesedaran Aksesibiliti di beberapa PBT iaitu PBT Sabah, PBT Perak dan PBT Kedah & Perlis. Selain daripada itu mendapatkan taraf Sijil Kemahiran Malaysia bagi Bidang Elektrik dalam usaha menjadikan PLPP sebagai Pusat

Kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Walaubagaimanapun pendaftaran OKU masih perlu dipergiatkan lagi pada tahun ini. Jumlah pendaftaran OKU dalam sistem SMOKU sehingga Disember 2014 adalah 336,000 orang dan sasaran pada tahun 2015 adalah sebanyak 50 ribu OKU didaftarkan.

iv. Juga tidak ketinggalan mengadakan program bagi mendayaupayakan warga emas agar sentiasa aktif, produktif dan positif. Sehubungan dengan itu, penubuhan 5 buah PAWE telah diluluskan dalam bajet 2015 yang akan menjadikan jumlah keseluruhan PAWE sebanyak 50 buah dan sasaran ahli baru seramai 20,000 orang. Mewujudkan program ***Respite care*** di RSK Cheras melalui perkongsian tanggungjawab dalam kalangan Agensi

Kerajaan, Swasta dan NGO. Program ***Home Help*** masih diteruskan dan diperluas lagi kepada 1,500 warga emas yang akan mendapat manfaat.

Tuan/Puan Yang Saya Muliakan,

- v. Jabatan juga terus memberi perhatian terhadap perkhidmatan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti

kepada golongan sasar Jabatan. Jabatan akan mengadakan Penilaian Kualiti, ***Star rating*** terhadap 88 buah PSK Kanak-Kanak pada tahun 2015. Pada tahun 2014, telah diadakan Bengkel Penyediaan Template Dasar Perlindungan Kanak-kanak kepada semua PSK yang menerima Geran JKM yang akan menjadi indikator dalam penilaian kualiti tersebut.

Selain daripada itu juga akan memantapkan pembangunan Organisasi dalam Komuniti dengan Pelaksanaan Program Organisasi Komuniti dan seramai 1,500 orang penerima bantuan dan ahli komuniti akan dilibatkan. Ini adalah bertujuan untuk mendayaupayakan penerima bantuan supaya mampu berdikari serta meningkatkan penglibatan komuniti dalam usaha membasmi kemiskinan.

Jabatan perlu lebih proaktif dan inovatif untuk meningkatkan penglibatan sukarelawan JKM dalam membantu golongan sasar dan tidak tertumpu kepada bencana sahaja. Penglibatan sukarelawan hendaklah secara berterusan, *visible*, dan bantuan mereka mampu memberi manfaat yang besar kepada klien.

Anugerah CSR Perdana Menteri akan diadakan pada bulan Ogos 2015 sebagai penghargaan kepada syarikat korporat yang banyak menjalankan program dan aktiviti.

- vi. Bagi meningkatkan budaya kerja profesional, berintegriti, kreatif dan inovatif, JKM bercadang untuk menubuhkan Unit Audit Dalaman berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Audit JKM

Bil1/2014 pada 9 Disember 2014 yang bertujuan untuk pemantauan Tatacara Pengurusan Kewangan di semua PTJ dan institusi dengan lebih berkesan.

Pasukan Naziran akan terdiri daripada bahagian-bahagian yang banyak melibatkan urusan kewangan untuk turut sama mengadakan naziran di PTJ dan institusi. Sehubungan dengan itu juga, Jabatan akan memperluaskan pengamalan MS ISO 9001:2008 ke Sabah dan Sarawak serta memperluaskan pensijilan

standard perkhidmatan MS ISO 9001:2008 di 65 buah institusi JKM.

Dalam usaha membudayakan Inovasi Sosial bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi pelanggan, 3 produk inovasi dibangunkan dengan kerjasama Technology Park Malaysia (TPM). Seterusnya 3 produk inovasi jabatan akan menyertai pameran peringkat

antarabangsa bagi mendapatkan pengiktirafan dari agensi antarabangsa sempena 43<sup>rd</sup> International Exhibition of Inventions Geneva pada 15-19 April 2015.

Pertandingan keceriaan pejabat akan diteruskan lagi pada tahun ini dengan dua kali penilaian oleh panel luar. Tujuannya adalah agar semua warga JKM lebih ceria dan seronok untuk hadir bekerja seterusnya

meningkatkan kualiti dan kuantiti perkhidmatan Jabatan. Pemenang akan menerima piala pusingan, hamper dan wang tunai. Oleh itu, saya harap setiap bahagian akan mengambil inisiatif untuk menceriakan ruang kerja masing-masing.

- 8) Saya yakin dan percaya bahawa dengan pengetahuan, komitmen dan semangat kerjasama secara berpasukan, tuan/puan semua mampu melaksanakan semua program yang telah ditetapkan ini dengan jayanya pada tahun ini.

Tuan/Puan sekalian,

9) Adalah diharapkan tahun 2015, tuan/puan dapat melaksanakan semua perancangan dan mencapai yang terbaik pada tahun ini. Apatah lagi pada tahun ini, JKM akan menganjurkan atau menyertai program peringkat antarabangsa:

- a) *Asia Pacific Supported Employment & Job Coach Seminar* pada bulan 4 – 7 Mei 2015.
- b) *ASEAN Regional Forum Disaster Relief Exercise 2015* pada bulan Mei 2015 di Perlis.  
JKM sebagai JK Pusat Pemindahan mangsa bencana.
- c) *CBR ASEAN Workshop 2015* pada bulan Mac 2015.

*d) 11<sup>th</sup> Programme Senior Officer Meeting Social Welfare Department (SOMSWD) pada bulan April 2015.*

**PENJAWAT AWAM SEBAGAI TIANG SERI NEGARA**

**Tuan/Puan yang saya muliakan,**

- 10) Sempena perhimpunan pada awal tahun ini, marilah kita sama-sama memperbaharui niat serta iltizam dalam

menunaikan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam yang memikul amanah Negara untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Semoga dengan keazaman dan komitmen seluruh warga JKM dapat meningkatkan kecemerlangan Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada golongan sasar Jabatan.

11) Suka saya mengingatkan bahawa kita adalah Tiang Seri Negara, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapannya di Perhimpunan Hari Pekerja Penjawat Awam 2014 pada 1 Mei 2014. Justeru, YAB Perdana Menteri telah menggariskan **5 prinsip/kriteria (attributes) Tiang Seri Negara** iaitu:

- i. Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa **berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif, dan mampu** menjadi '**figura contoh**' kepada

masyarakat terutama dalam bidang keilmuan, budaya berfikir dan adab.

- ii. Penjawat awam perlu sifat jujur, amanah, intergriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang **boleh dipercayai** oleh masyarakat..
- iii. Mengamalkan **amalan kerja terbaik** iaitu sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, tepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi dalam menjalankan tugas,

- iv. Mempunyai **Semangat Patriotik** yang tinggi terhadap negara Malaysia,
- v. Budaya Keberhasilan yang berteraskan ‘**Outcome Based**’ sebagai satu petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang.

## **PENUTUP**

- 12) Saya harap setiap warga JKM akan berusaha meningkatkan pengetahuan masing-masing dengan mengikuti kursus atau latihan yang agar mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan kepada masyarakat. Dengan demikian, setiap pegawai akan berupaya mewujudkan budaya kerja cemerlang selaras dengan tujuan kerajaan untuk membekalkan satu ‘workforce’ yang amat

bertanggungjawab, bersifat amanah dan ikhlas dalam menjalankan tugas.

- 13) Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja JKM yang telah menjayakan semua program Jabatan dan semoga tahun 2015 akan memberi sinar yang lebih cemerlang dan gemilang lagi. Tahniah dan syabas kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian

Kanak-Kanak dan Bahagian Pengurusan Maklumat yang menjadi tuanrumah sempena perhimpunan pada kali ini.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Sekian, terima kasih.